

BENGKEL CEMERLANG JAWI SIRI 1 TAHUN 2026



Labuan, 10 Februari 2026 – Bengkel Cemerlang Jawi Siri 1/2026 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat SK Bukit Kallam, Wilayah Persekutuan Labuan pada petang ini dengan penyertaan guru Pendidikan Islam sekolah rendah.

Bengkel ini bertujuan memperkukuh penguasaan kaedah dan teknik pengajaran Jawi selaras dengan kehendak kurikulum semasa, di samping memantapkan kemahiran guru dalam merancang dan melaksanakan PdP Jawi yang berkesan, menarik serta berpusatkan murid.

Guru turut dibimbing untuk mengenal pasti kelemahan murid dalam bacaan dan penulisan Jawi serta merangka intervensi pemulihan yang sesuai.

Antara pengisian utama bengkel ialah pendedahan kepada kaedah ejaan Jawi yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan

Pustaka yang dibimbing oleh Ustazah Dalilah binti Desa, Munsyi Jawi Kebangsaan.

Pendekatan ini diharapkan dapat membantu guru menyampaikan pengajaran Jawi secara lebih sistematik, sekaligus memperkuat literasi Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah.

Penganjuran bengkel ini turut seiring dengan aspirasi Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2025–2026 yang menekankan pembangunan karamah insaniah, adab dan nilai dalam pendidikan.

Usaha memperkasa penguasaan Jawi bukan sahaja memperkuat identiti budaya dan warisan bangsa, malah menyokong matlamat RPM untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi ilmu, sahsiah dan kemahiran abad ke-21.

Komitmen berterusan pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan W.P. Labuan dalam menganjurkan bengkel ini jelas menunjukkan kesungguhan untuk memastikan penguasaan Jawi terus relevan dan menjadi teras dalam memperkasa pendidikan Islam di sekolah rendah.

[#7TerasKPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)

[#tahuninitahunkita](#)





